

Hubungan antara Impak Penggunaan Media Sosial dalam Aktiviti Pembelajaran dan Prestasi Pelajar dalam kalangan Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

The relationship between the Impact of Social Media Use in Learning Activities and Student Performance among students at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Muhammad Helmi Hayat Ma'hat¹, Mohd Zarir Yusoff^{1*}

¹ Jabatan Pengurusan dan Teknologi, Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

*Corresponding Author: zarir@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2024.05.01.033>

Maklumat Artikel

Diserah: 31 Mac 2024

Diterima: 30 April 2024

Diterbitkan: 30 Jun 2024

Kata Kunci

Impak media sosial, aktiviti pembelajaran, prestasi pelajar, pelajar universiti, model kognitif tingkah laku, penggunaan internet patologi

Abstrak

Pada era globalisasi ini, perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi menjadi semakin canggih, penyebaran informasi yang begitu cepat dan akses telekomunikasi yang sangat mudah dijumpai di beberapa platform media sosial seperti Youtube, Instagram, Facebook, Whatsapp, Google, dan Wikipedia menyumbang kesan kepada prestasi pelajar berdasarkan kepada faktor yang mengganggu mereka seperti sajian hiburan yang pelbagai memberi kesan gangguan fokus terhadap pembelajaran. Tumpuan kajian ini untuk mengkaji tahap prestasi pelajar, mengenalpasti tahap impak penggunaan media sosial dan mengkaji hubungan antara impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran dan prestasi pelajar dalam kalangan mahasiswa universiti tun hussein onn malaysia (UTHM) serta skop kajian ini terbatas kepada pelajar UTHM sahaja. Model Kognitif Tingkah Laku (CBM) telah digunakan dalam kajian ini untuk menilai tahap impak penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa UTHM. Kajian tertumpu kepada pelajar-pelajar dari setiap fakulti yang ada di UTHM seperti PPD, FPTV, FKMP, FKEE, FKAAB, FSKTM, PPUK, FTK, FPTP dan FAST dengan sampel kajian seramai 375 orang responden. Menggunakan kaedah kuantitatif, soal selidik dalam talian telah diedarkan dengan menggunakan aplikasi media sosial seperti WhatsApp. Keputusan kajian menunjukkan bahawa semua objektif dan hipotesis telah dicapai dan diterima. Terdapat hubungan positif yang signifikan antara dimensi CBM dan prestasi pelajar secara keseluruhan. Cadangan penambahbaikan untuk kajian akan datang ialah skop kajian, yang merangkumi populasi yang lebih besar untuk mendapatkan kesahan dan keputusan yang lebih deskriptif. Kesimpulannya, penemuan penting dalam kajian ini dapat membantu institusi

pendidikan dalam menambah baik dan memprogramkan semula strategi untuk meningkatkan prestasi pelajar.

Keywords

Impact of social media, learning activities, student performance, university students, behavioral cognitive models, pathological internet use

Abstract

In this era of globalization, the development of science and technology has become increasingly sophisticated, the spread of information so quickly and telecommunication access that is very easy to find on several social media platforms such as Youtube, Instagram, Facebook, Whatsapp, Google, and Wikipedia contribute to the impact of student performance based on to factors that disturb them such as a variety of entertainment that has the effect of disrupting focus on learning. The focus of this study is to examine the level of student performance, identify the level of impact of social media use and examine the relationship between the impact of social media use in learning activities and student performance among students at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) and the scope of this study is limited to UTHM students only. The Cognitive Behavioral Model (CBM) was used in this study to assess the level of impact of social media use among UTHM students. The study focused on students from each faculty at UTHM such as PPD, FPTV, FKMP, FKKEE, FKAAB, FSKTM, PPUK, FTK, FPTP and FAST with a study sample of 375 respondents. Using quantitative methods, online questionnaires were distributed using social media applications such as WhatsApp. The results of the study show that all objectives and hypotheses have been achieved and accepted. There is a significant positive relationship between CBM dimensions and overall student performance. A suggestion for improvement for future studies is the scope of the study, which includes a larger population to obtain more descriptive validity and results. In conclusion, the important findings in this study can help educational institutions in improving and reprogramming strategies to improve student performance.

1. Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Pada masa kini, perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi menjadi semakin canggih, penyebaran informasi yang begitu cepat dan akses telekomunikasi yang sangat mudah dijumpai di beberapa platform media sosial seperti Youtube, Instagram, Facebook, Whatsapp, Google, Wikipedia. Teknologi komunikasi mutakhir telah menciptakan apa yang disebut “publik dunia” atau “weltonffentlichkeit” mengikut peredaran zaman moden ini. Dengan hal yang begitu, perkembangan teknologi komunikasi ini menjadi terus meningkat dan menimbulkan tanda tanya mengenai impak media sosial yang ditimbulkan terhadap khalayak umum terutama kepada pelajar (Najamudin, 2019).

Menurut Permata (2019), mengikut perkembangan media sosial, sistem pendidikan di Malaysiapun turut ikut berkembang dan kesannya sekarang, banyak kegiatan pendidikan melibatkan media sosial. Maklumat untuk mendapatkan pendidikan banyak terpampang pada media sosial kerana kaedah tersebut dalam zaman ini sangatlah mudah dan dapat dijangkau oleh sesiapaupun, di manapun, dan bilapun. Contohnya sekarang ini hampir semua alat komunikasi seperti telefon sudah memiliki aplikasi yang tentunya terdapat media sosial didalamnya yang memudahkan penggunaannya untuk menjelajah internet.

Kesimpulannya, media sosial dapat didefinisikan sebagai alat yang digunakan sebagai pengantara atau pemudah cara bagi mahasiswa dan mahasisiwi dalam mendapatkan maklumat pendidikan dari alam maya dan mereka juga mendapat kesan baik mahupun buruk, jika disalahgunakan dalam ukuran prestasi yang senantiasa boleh berubah dari masa ke masa.

1.2 Pernyataan Masalah

Secara umumnya, institusi pendidikan di Malaysia menggunakan rangkaian media sosial untuk meningkatkan imej mereka dalam menyampaikan tawaran pendidikan dalam persekitaran yang semakin kompetitif (Amaral & Santos, 2020). Walaubagaimanapun, kajian yang dibuat oleh Azizan *et al.*, (2019), pelajar banyak meluangkan masa dengan teknologi canggih seperti telefon bimbit yang banyak media sosial di dalamnya. Media sosial yang menghidangkan hiburan yang pelbagai, menyebabkan ramai pelajar terleka dan menghabiskan masa berjam-jam tanpa memikirkan masa. Kesannya, mereka akan merugikan masa harian dalam mengulangkaji pelajaran

dan menyebabkan kemerosotan dalam prestasi akademik mereka. Malah mengikut Fontes-Perryman & Spina (2021), kebanyakan kajian menunjukkan bahawa keletihan fizikal dan mental yang disebabkan oleh penggunaan media sosial berbeza bergantung kepada ciri khusus individu. Seperti dari petikan Feng Luqman (2021), apabila pelajar terlibat seharian menggunakan media sosial sebagai alat berhubung sesama mereka, wujudlah kesan kemahiran sosial yang sangat lemah. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka akan sentiasa bergantung dengan alat canggih tersebut dan bukannya berani untuk bersemuka dan bersosial.

Oleh hal yang demikian, hubungan antara impak penggunaan media sosial dengan prestasi pelajar mesti diberikan penekanan untuk memperolehi mahasiswa yang berkualiti terhadap institusi pendidikan masing-masing (Arwansyah *et al.*, 2022). Berdasarkan beberapa penelitian dari kajian lepas, pengkaji mendapati kajian yang terhad dilakukan berkenaan hubungan impak penggunaan media sosial dan prestasi pelajar dari segi perspektif responden serta saiz sampel yang kecil dan lokasi kajian dijalankan. Oleh itu, pengkaji mengambil peluang ini untuk membuat kajian yang tertumpu di UTHM dengan jumlah populasi responden serta saiz sampel yang teratur. Di mana, kelebihan dan manfaat dari kaedah ini adalah dapat meningkatkan ketepatan dan kejituan penemuan sesebuah kajian. Kesimpulannya, kajian ini akan dijalankan bagi menerokai hubungan antara impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran dan prestasi pelajar dalam kalangan mahasiswa UTHM.

Oleh itu, untuk mencapai objektif kajian tahap prestasi pelajar dalam kalangan mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ditentukan. Tambahan pula, tahap impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran oleh mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia juga ditentukan. Sehubungan itu, hubungan antara impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran dan prestasi pelajar dalam kalangan mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dikenal pasti.

1.3 Skop Kajian

Skop kajian ini akan dijalankan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah mahasiswa UTHM mengikut setiap fakulti yang ada di lokasi kajian seperti, PPD, FPTV, FKMP, FKEE, FKAAB, FSKTM, PPUK, FTK, FPTP dan FAST sahaja. Kajian ini akan menggunakan pendekatan kuantitatif dalam bentuk soal selidik sebagai instrument kajian. Kumpulan fakulti ini dipilih kerana mereka adalah individu yang dapat mewakili atau merangkumi keseluruhan pelajar yang ada di UTHM berdasarkan kaedah sampel yang digunakan iaitu kaedah persampelan rawak berstrata.

1.4 Kepentingan Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap impak media sosial dalam aktiviti pembelajaran dengan prestasi pelajar dalam kalangan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Kajian ini berpotensi untuk menghasilkan beberapa kelebihan kepada sistem perkhidmatan pendidikan oleh pihak UTHM atau rujukan universiti-universiti yang lain dalam memahami kehendak atau kemahuan pelajar dalam menggunakan media sosial yang lebih efisien dalam meningkatkan prestasi akademik mereka sekaligus meningkatkan peratus bilangan pelajar cemerlang bagi sesebuah institusi pendidikan.

Selain itu, kajian ini juga mampu memberi manfaat kepada pengkaji akan datang seperti kefahaman yang lebih mendalam tentang hubungan antara penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran dan prestasi pelajar. Terdapat pelbagai rujukan yang boleh dimanfaatkan dan dirujuk oleh penyelidik akan datang untuk merujuk kajian sekiranya berkeinginan untuk menghasilkan penyelidikan berkenaan topik yang sama.

2. Kajian Literasi

2.1 Konsep Utama

Kajian semula tentang kajian lepas yang akan memberikan latar belakang konsep utama mengenai hubungan antara impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran dan prestasi pelajar.

2.1.1 Konsep Media Sosial

Menurut Kumar & Godara (2020), rangkaian media sosial adalah penting dalam pelbagai aspek kehidupan, khususnya dalam bidang pendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana, perkara tersebut adalah salah satu cara untuk pelajar berhubung di kalangan mereka dalam urusan pembelajaran mereka. Selain itu juga, mengikut Venkateswaran *et al.* (2019) pula, media sosial merupakan satu alat yang tidak akan tamat penggunaannya kerana bilangan pengguna media sosial akan meningkat dari masa ke masa. Sebagai contoh, sepertimana berlakunya pertambahan bilangan pelajar universiti di sesebuah institusi pendidikan, makan bertambah juga bilangan pengguna media sosial.

2.1.2 Konsep Impak Media Sosial

Menurut Hou *et al.* (2019), menggambarkannya sebagai satu jenis impak internet, di mana individu menunjukkan paksaan untuk menggunakan media sosial untuk berlebihan. Sementara itu, Ahmed & Vaghefi (2021), menyatakan impak media sosial sebagai "kompulsif", penggunaan media sosial yang berlebihan", "bermasalah", "maladaptif" atau "patologi". Perkara itu dapat dirumuskan bahawa, impak media sosial merupakan satu kegiatan yang memaksa seseorang individu itu melakukan kekerapan dalam menggunakan media sosial dan perbuatannya itu adalah berulang-ulang.

2.1.3 Konsep Aktiviti Pembelajaran

Menurut (Sihe, 2020), pembelajaran dianggap sebagai pengumpulan maklumat dan perolehan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tingkah laku, serta pembentukan sikap dan kepercayaan seseorang individu itu sendiri. Pembelajaran bukan setakat merangkumi penguasaan pengetahuan kemahiran semata-mata, tetapi perkembangan emosi, sikap, nilai estetika dan kesenian serta ciri dalaman juga dipengaruhi oleh pembelajaran. Menurut (Sihe, 2020) juga, pembelajaran membawa perubahan pada diri seseorang, sama ada perubahan ke arah kebaikan ataupun keburukan. Walaubagaimanapun, perubahan yang disebabkan oleh kematangan seperti berjalan, makan, penyakit dan kelaparan tidak dianggap sebagai pembelajaran.

2.1.4 Konsep Prestasi Pelajar

Mengikut petikan (Kumar.S, 2021) menunjukkan bahawa prestasi pelajar merupakan tingkah laku pelajar yang boleh diukur dan boleh dilihat dalam satu tempoh dari nilai yang terkumpul dalam pelbagai penilaian. Menurut (Kumar.S, 2021) juga, prestasi akademik boleh ditakrifkan sebagai kegigihan pelajar, yang boleh difahami sebagai kemajuan akademik pelajar tanpa mengira latar belakang mereka. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa prestasi pelajar merupakan kemajuan atau kemerosotan pelajar yang sentiasa boleh diukur melalui penilaian yang pelajar ambil sewaktu di institusi pengajian mereka.

2.2 Model Kogniti Tingkah Laku (CBM)

Hasil penelitian pembolehubah bebas kajian iaitu prestasi pelajar dengan menggunakan Model Kognitif Tingkah Laku (CBM) berdasarkan impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran yang disediakan. Menurut (Sahin, 2019) model ini menyerlahkan bahawa rangkaian sosial 'tidak normal' muncul daripada kognisi maladaptif dan diperkuatkan oleh pelbagai faktor persekitaran dan akhirnya membawa kepada rangkaian sosial kompulsif dan impak. Menurut Ahmed dan Vaghefi (2021) pula, model tersebut menerangkan punca utama Penggunaan Internet Patologi berdasarkan pemikiran maladaptif yang koheren dengan pengasingan sosial. CBM bergantung kepada dua jenis faktor, distal dan proksimal, kedua-duanya membawa kepada Penggunaan Internet Patologi (PIU).

Menurut kajian oleh (R. A. Davis, 2001) dipetik daripada (Ahmed dan Vaghefi, 2021) juga, menyatakan kognisi maladaptif mengenai diri sendiri secara amnya berpunca daripada situasi yang termasuk keraguan diri, dan efikasi diri yang rendah. Maladaptif kognisi tentang dunia, berkaitan dengan menggunakan Internet sebagai pengganti "dunia nyata." Para ulama menegaskan bahawa CBM boleh dilanjutkan walaupun CBM lebih tertumpu psikopatologi. Mereka mendakwa bahawa model itu boleh dikemas kini dengan memasukkan elemen tambahan seperti keperluan individu/motivasi, petunjuk situasi, ciri-ciri personaliti dan faktor sosio-persekitaran.

2.2.1 Keperluan Individu

Merujuk (J. E. Klobas, T. J. McGill, S. Moghavvemi, and T. Paramanathan, 2018) dan dipetik oleh (Ahmed dan Vaghefi, 2021, p.668) menyebut bahawa "penemuan penyelidikan sedia ada mencadangkan bahawa mereka menerima kepuasan daripada keperluan tertentu boleh menyebabkan penggunaan patologi". Yang paling biasa penggunaan media sosial adalah untuk membina hubungan sosial. Perkara itu telah menunjukkan bahawa pengguna terdedah kepada impak kerana keinginan untuk membentuk hubungan baru di media sosial. Sebaliknya, berkaitan hiburan juga berkaitan dengan impak. Pengguna yang menggunakan media sosial untuk menghiburkan diri mereka, berisiko menjadi impak menurut (Sural, M. D. Griffiths, K. Kircaburun, and E. Emirtekin, 2019). Terdapat penemuan penyelidikan yang menunjukkan keperluan dan motivasi individu boleh menyederhanakan korelasi antara media sosial dan kognisi atau impak maladaptif.

2.2.2 Petunjuk Situasi

Merujuk kepada petikan Davis, (2001), (Caci, Cardaci, Scrima, and Tabacchi, 2017 dan Li, Guo, and Bai, 2017) yang dipetik oleh Ahmed & Vaghefi, (2021), rangsangan seperti bunyi komputer yang menyambung dengan perkhidmatan dalam talian, sensasi sentuhan menaip pada papan kekunci, dan juga bau tempat utama seseorang menggunakan Internet menyebabkan mereka impak. Telah didapati juga bahawa, isyarat situasi boleh menyederhanakan hubungan antara media sosial dan kognisi maladaptif seperti yang dipetik oleh Chung *et al.*, (2019 yang mendapati penggunaan media sosial yang berlebihan pada hujung minggu meletakkan

pengguna pada risiko yang lebih tinggi untuk mengalami dampak kerana itu adalah potensi kefahaman hubungan antara media sosial dan kognisi maladaptif yang selaras dengan CBM.

2.2.3 Ciri-ciri Personaliti

Para penyelidik percaya bahawa ciri-ciri personaliti boleh bertindak sebagai moderator dalam hubungan antara kognisi maladaptif dan media sosial. Kebanyakan kajian mengkaji hubungan antara personaliti dan dampak menggunakan model personaliti lima faktor menurut Andreassen *et al.*, (2013), iaitu Keterbukaan, Kesedaran, Extraversi, Keserasian dan Neurotism. Sebagai contoh, Neurotism dikaitkan dengan risiko dampak yang lebih rendah. Menurut Atroszko *et al.* (2018) dipetik oleh Ahmed dan Vaghefi (2021), kajian lepas didapati sifat ini mempunyai hubungan tidak langsung dengan media sosial. Brailovskaia dan Margraf (2019) mendapati bahawa narsisme memburukkan lagi kesan penggunaan Facebook yang sensitif pada dampak media.

2.2.4 Kognisi Maladaptif

Menurut Alzougool (2018), Model Kognitif Tingkah Laku (CBM) menerangkan kognisi maladaptif yang timbul daripada pandangan negatif terhadap dunia atau diri sendiri dan menyebabkan pengguna menjadi ketagih dengan media sosial. Menurut petikan Ahmed & Vaghefi (2021), pengguna yang menggunakan media sosial untuk mendapatkan pengiktirafan atau kepuasan daripada orang lain lebih berkemungkinan untuk mengembangkan dampak media sosial disebabkan oleh harga diri yang rendah atau faktor lain. Mengikut Andreassen *et al.* (2017) petikan oleh Ahmed & Vaghefi (2021), pengguna yang mempunyai persepsi diri yang negatif menggunakan media sosial untuk berasa lebih baik dari yang lain.

2.2.5 Faktor Sosio-Persekitaran

Tambahan pula, (Petticrew and Roberts, 2006), merumuskan bahawa faktor sosio-persekitaran dalam Model Kognitif Tingkah Laku (CBM), menekankan pengasingan sosial atau kekurangan sokongan sosial sebagai faktor yang menyumbang kepada Patologi Penggunaan Internet (PIU). Davis (2001), menyatakan, ia boleh diperluaskan untuk merangkumi kedua-dua persekitaran sosial dan pergelutan peribadi bagi menangani kesan kesunyian terhadap dampak. Pengguna yang hidup secara solo atau sendirian berkemungkinan secara tak langsung telah melibatkan diri dalam dampak media sosial.


2.3 Hubungan Antara Dampak Penggunaan Media Sosial Dalam Aktiviti Pembelajaran dengan Prestasi Pelajar

Dari perspektif pendidikan, kajian lepas menunjukkan hasil hubungan antara media sosial dan prestasi akademik. Menurut (Hou, Xiong, Jiang, Song, & Wang, 2019) menyimpulkan bahawa dampak berkorelasi negatif dengan prestasi akademik kerana berdasarkan kepada keputusan ukuran kedudukan diri prestasi akademik yang negatif dikaitkan dengan dampak media sosial. Terdapat 3 sebab yang meyakinkan keputusan ini. Pertama, sosial dampak media mungkin menunjukkan lebih banyak masa dihabiskan dalam talian dan kurang masa belajar. Pengurusan masa pelajar terganggu dan menjejaskan prestasi akademik.

Turut dipetik daripada (Hou, Xiong, Jiang, Song, & Wang, 2019) yang kedua pula ialah, dampak media sosial mengganggu pelajar menyiapkan tugas, kesan daripada gagal fokus. Kajian telah menunjukkan bahawa melakukan dua kerja serentak membahayakan pelaksanaan tugas tertentu. Akhir sekali iaitu yang ketiga, pelajar mengalami kesukaran memahami dan mengingati apa yang mereka pelajari sepanjang aktiviti pelajaran dan pembelajaran berlangsung dan pernyataan ini merujuk daripada (Hou, Xiong, Jiang, Song, & Wang, 2019).

Walau bagaimanapun, menurut (Fauzi, Mazlan, A Rahman, Ahmad Sharoni., & Isa, 2021) mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dampak media sosial dengan prestasi akademik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan media sosial yang berlebihan tidak menjejaskan prestasi akademik mereka. Prestasi pelajar itu kekal tidak berubah walaupun mereka dampak terhadap platform media sosial. Dapatan ini konsisten dengan kajian lepas yang mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan media sosial dengan prestasi akademik.

2.4 Kerangka Kajian



Rajah 1 Kerangka kajian

2.5 Hipotesis Kajian

H1: Terdapat hubungan yang positif antara keperluan individu/motivasi dan prestasi pelajar dalam kalangan mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

H2: Terdapat hubungan yang positif antara petunjuk situasi dan prestasi pelajar dalam kalangan mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

H3: Terdapat hubungan yang positif antara ciri-ciri personaliti dan prestasi pelajar dalam kalangan mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

H4: Terdapat hubungan yang positif antara kognisi maladaptif dan prestasi pelajar dalam kalangan mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

H5: Terdapat hubungan yang positif antara faktor sosio-persekitaran dan prestasi pelajar dalam kalangan mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

H6: Terdapat hubungan yang positif antara model komponen impak dan prestasi pelajar dalam kalangan mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

3. Metodologi Kajian

3.1 Reka Bentuk Kajian

Menurut petikan Bhat (2021), reka bentuk kajian adalah struktur kaedah dan prosedur kajian yang dipilih oleh penyelidik. Reka bentuk ini membolehkan penyelidik memberi tumpuan kepada metodologi penyelidikan yang sesuai untuk bidang pengajian dan membuat kajian itu berjalan dengan lancar. Kajian ini akan menggunakan kaedah kuantitatif dan kajian deskriptif. Di samping itu, kajian deskriptif bertujuan mencirikan populasi, situasi, atau fenomena dengan betul dan tersusun. Selain itu, menerapkan pelbagai pendekatan kajian untuk meneroka satu atau lebih pemboleh ubah. Seterusnya, kuantitatif kajian adalah untuk mengukur pemboleh ubah, frekuensi, purata, korelasi dan untuk menilai hipotesis mengenai hubungan yang terdapat dalam kajian ini. Oleh itu, kaedah kuantitatif akan digunakan untuk mengumpul data dan mencapai objektif kajian.

3.2 Populasi dan Persampelan

Populasi adalah sekumpulan individu yang unik, sama ada negara atau kumpulan orang yang mempunyai sifat yang sama (Pritha, 2020). Populasi kajian ini adalah berdasarkan pelajar yang menggunakan media sosial dalam aktiviti pembelajaran mereka. Penyelidik akan memilih pelajar yang sedang atau pernah menggunakan media sosial dalam aktiviti pembelajaran mereka. Jumlah mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada tahun 2023 merekodkan kemasukan seramai 17123 orang pelajar menurut dapatan kajian dari Pejabat Pengurusan Akademik UTHM. Bagi mendapatkan hasil data yang lebih tepat dan sahih seramai 375 orang responden yang menggunakan media sosial dalam aktiviti pembelajaran mereka, telah menjadi golongan sasaran untuk menjawab soal selidik kajian ini.

Dalam penyelidikan ini, jenis persampelan bukan kebarangkalian yang dipilih ialah persampelan rawak berstrata. Persampelan rawak berstrata ialah teknik persampelan kebarangkalian di mana populasi dibahagikan kepada subkumpulan homogen, dipanggil strata, berdasarkan satu atau lebih ciri yang berkaitan, seperti jantina, umur, pendapatan atau tahap pendidikan. Sampel rawak kemudian diambil dari setiap stratum, memastikan semua subkumpulan diwakili secukupnya dalam sampel keseluruhan menurut (Hayes, 2023). Oleh hal yang demikian, responden yang dipilih adalah secara rawak berstrata dan tertumpu kepada fakulti mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang pelbagai.

3.3 Instrumen Kajian.

Kajian ini akan menggunakan kaedah kuantitatif dan instrumen yang sesuai untuk digunakan adalah soal selidik. Kaedah kuantitatif lebih mudah untuk menggeneralisasikan data, dan mudah untuk mendapatkan jumlah responden yang banyak dengan cepat. Soal selidik adalah sebahagian dari alat penyelidikan yang terdiri daripada sekumpulan soalan tertutup atau terbuka.

Soal selidik ini dibahagi kepada 3 bahagian iaitu Bahagian A berkaitan maklumat demografi seperti jantina, umur, bangsa, fakulti, tahun pengajian, dan media sosial yang digunakan dalam aktiviti pembelajaran. Bahagian B pula untuk mengkaji tahap prestasi pelajar dalam kalangan mahasiswa UTHM, sama ada nilai tingkat prestasi pelajar adalah rendah, sederhana, tinggi atau sangat tinggi. Seterusnya Bahagian C merupakan pertanyaan berkaitan impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran dengan menggunakan dimensi dalam Model Kognitif Tingkah Laku (CBM) individu/motivasi, petunjuk situasi, ciri-ciri personaliti, kognisi maladaptif dan faktor sosio-persekitaran yang akan menunjukkan objektif kajian yang kedua iaitu mengenalpasti tahap impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran oleh mahasiswa UTHM menurut petikan Kan Purple *et al.*, (2022). Jenis soalan yang digunakan adalah gaya Skala Likert dan soalan terbuka. Untuk Skala Likert 5 mata, terbahagi seperti ini, 1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= neutral, 4= setuju, dan 5= sangat setuju. Skala likert sangat terkenal di kalangan penyelidik kerana mengumpulkan maklum balas responden yang tepat dan jitu. Skala likert juga mudah dibina dan berkemungkinan tinggi dalam menghasilkan skala yang boleh dipercayai (Taherdoost, 2019).

3.4 Pengumpulan Data

Pengumpulan data adalah cara tersusun untuk mengumpulkan dan mengukur maklumat dari banyak sumber untuk memberi jawapan kepada masalah yang berkaitan (Calistus, 2018). Kajian ini akan menggunakan kaedah untuk pengumpulan data iaitu borang soal selidik secara dalam talian. Soal selidik ini adalah sumber utama kajian ini, untuk mendapatkan data mengenai hubungan impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran dan prestasi pelajar dalam kalangan mahasiswa UTHM. Soal selidik ini telah diedarkan kepada mahasiswa UTHM mengikut setiap fakulti yang ada di lokasi kajian seperti, PPD, FPTV, FKMP, FKEE, FKAAB, FSKTM, PPUK, FTK, FPTP dan FAST menggunakan aplikasi media sosial seperti WhatsApp. Di samping itu, kajian ini mengumpulkan data sekunder dari jurnal, artikel tesis, buku elektronik (e-buku), dan sumber lain. Data sekunder dikumpulkan dari penyelidikan dari sumber internet seperti 'connected papers', 'google scholar', 'emerald' dan lain-lain sebagai rujukan. Matlamat data sekunder adalah untuk mencari masalah, mengembangkan penyelesaian, dan menjawab persoalan berkenaan topik kajian.

3.5 Analisis Data

Analisis data telah dilakukan untuk mengidentifikasi hasil kajian dan untuk memenuhi tujuan penyelidikan. Kaedah analisis deskriptif dan korelasi digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi dari sumber utama (iaitu soal selidik). Kajian deskriptif secara amnya adalah amat terperinci, cepat, dan mudah untuk digunakan. Selain itu, jadual digunakan untuk menggambarkan data hasil SPSS untuk meningkatkan pemahaman pembaca. Analisis deskriptif digunakan untuk menentukan peratusan dan min, serta sisihan piawai dan kekerapan. Kaedah yang akan digunakan untuk membuat kesimpulan adalah analisis statistik inferensi. Secara ringkas, ia menggunakan data dari sampel untuk membuat kesimpulan mengenai populasi atau kumpulan yang lebih luas. Seterusnya, analisis korelasi adalah teknik untuk menentukan kaitan antara pembolehubah (Rai, 2019). Untuk menentukan normaliti, kaedah pekali korelasi Spearman digunakan untuk menyatakan kekuatan hubungan antara pembolehubah.

4. Analisis Data dan Penemuan Kajian

4.1 Penemuan Kajian

Bagi mencapai hasil data keseluruhan untuk objektif kajian, data dianalisis dengan menggunakan perisian Proses Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 27. Analisis data dilakukan, merangkumi analisis demografi, analisis deskriptif, analisis statistik inferensi dan analisis korelasi iaitu untuk menilai kekuatan dan pautan linear antara kedua-dua pembolehubah.

4.1.1 Kadar Respon Soal Selidik

Jadual 1 Kadar respon soal selidik

Populasi(Orang)	Saiz Sampel	Soal Selidik Diterima Semula	Peratus(%)
17123	375	375	100

Menurut Jadual 1, 375 daripada 357 responden soal selidik yang sah telah dikumpulkan. Berdasarkan ini, kadar tindak balas kajian ini ialah 100 peratus. Oleh demikian, kadar tindak balas kajian yang diperolehi boleh mewakili keseluruhan populasi yang telah ditetapkan.

4.1.2 Analisis Kebolehpercayaan

Jadual 2 Nilai Alpha Cronbach

Pembolehubah	Nilai Alpha Cronbach bagi kajian rintis (30 responden)	Nilai Alpha Cronbach bagi kajian sebenar (375 responden)	Item
Keperluan Individu/Motivasi	0.857	0.810	3
Petunjuk Situasi	0.882	0.852	3
Ciri-ciri Personaliti	0.743	0.711	3
Kognisi Maladaptif	0.835	0.745	3
Sosio-Persekitaran	0.822	0.721	3
Prestasi Pelajar	0.878	0.801	3

Berdasarkan Jadual 2, nilai Alpha Cronbach bagi kajian rintis untuk keperluan individu/motivasi, petunjuk situasi, ciri-ciri personaliti, kognisi maladaptif, sosio-persekitaran dan prestasi pelajar ialah 0.857, 0.882, 0.743, 0.835, 0.822 dan 0.878. Oleh kerana nilai Alpha Cronbach ialah $\alpha \geq 0.7$, keputusan menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaan setiap konstruk adalah boleh diterima dan baik. Justeru itu, kajian sebenar bermula selepas keputusan ujian rintis adalah sah dan boleh dipercayai. Tinjauan ini melibatkan 375 responden yang merupakan mahasiswa UTHM. Nilai Alpha Cronbach untuk keperluan individu/motivasi, petunjuk situasi, ciri-ciri personaliti, kognisi maladaptif, sosio-persekitaran dan prestasi pelajar ialah 0.810, 0.852, 0.711, 0.745, 0.721, 0.801. Keputusan menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaan soal selidik ialah $\alpha \geq 0.7$, menunjukkan bahawa instrumen kajian yang digunakan adalah boleh diterima dan dipercayai.

4.1.3 Analisis Diskriptif Latar Belakang dan Demografik

Jadual 3 Rumusan latar belakang demografik

		Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	191	51.70
	Perempuan	181	48.30
Umur	20 dan kebawah	22	5.90
	21 hingga 24 tahun	349	93.00
Bangsa	25 dan ke atas	4	1.10
	Melayu	318	84.80
	Cina	42	11.20
	India	15	4.00
	PPD	39	10.40
Fakulti	FPTV	49	13.10
	FKMP	47	12.50
	FKEE	34	9.10
	FKAAB	47	12.50
	FSKTM	37	9.80

	PPUK	1	0.30
	FTK	43	11.50
	FPTP	50	13.30
	FAST	28	7.50
	Diploma	1	9.60
Tahap pengajian	Sarjana muda	328	87.50
	Sarjana	11	2.90
	Phd	0	0
Tahun pengajian	Tahun 1	36	9.60
	Tahun 2	186	49.60
	Tahun 3	136	36.30
	Tahun 4	17	4.50
Media sosial yang sering digunakan ketika melaksanakan aktiviti pembelajaran	Facebook	3	0.80
	Instagram	18	4.80
	WhatsApp	260	69.30
	Tiktok	16	4.30
	Youtube	78	20.80
	Aplikasi X	0	0

4.1.4 Analisis Deskriptif untuk Impak Penggunaan Media Sosial dan Prestasi Pelajar terhadap Mahasiswa UTHM

Jadual 4 Purata skor dan sisihan piawai bagi setiap pembolehubah.

Pembolehubah	Bil	Purata skor min	Sisihan Piawai	Tahap
Keperluan Individu/Motivasi	375	3.87	1.07	Tinggi
Petunjuk Situasi	375	3.89	1.09	Tinggi
Ciri-ciri Personaliti	375	4.10	1.08	Tinggi
Kognisi Maladaptif	375	3.96	1.04	Tinggi
Sosio-Persekitaran	375	4.01	1.01	Tinggi
Prestasi Pelajar	375	4.00	1.11	Tinggi

Berdasarkan Jadual 4, nilai min bagi semua pembolehubah yang berkaitan berada pada purata 3.87 hingga 4.10. Manakala, nilai bagi sisihan piawai berada dalam purata 1.01 hingga 1.11. Dengan itu, tahap impak penggunaan media sosial terhadap keperluan individu/motivasi adalah tinggi iaitu dengan nilai purata bagi min ialah 3.87 dan sisihan piawai ialah 1.07, petunjuk situasi memperoleh min 3.89 dan sisihan piawai 1.09, ciri-ciri personaliti memperoleh min 4.10 dan sisihan piawai 1.08, kognisi maladaptif memperoleh min 3.96 dan sisihan piawai 1.04, sosio-persekitaran memperoleh min 4.01 dan sisihan piawai 1.01, dan prestasi pelajar memperoleh min 4.00 dan sisihan piawai 1.11. Secara keseluruhan, tahap prestasi pelajar adalah pada tahap yang tinggi.

4.1.5 Ujian Normaliti

Jadual 5 Ujian normaliti

Pembolehubah	Kolmogorov-Smirnov		
	Statistik	df	Sig,
Keperluan individu/motivasi	0.279	375	0.000
Petunjuk situasi	0.269	375	0.000
Ciri-ciri personaliti	0.270	375	0.000
Kognisi maladaptif	0.164	375	0.000
Sosio-persekitaran	0.219	375	0.000
Prestasi pelajar	0.169	375	0.000

Jadual 5 memaparkan setiap komponen tahap keertiannya menggunakan ujian Kolmogorov-Smirnov. Menggunakan Kolmogorov-Smirnov atau Shapiro-Wilk, penyelidik boleh menentukan sama ada data diedarkan secara tetap atau tidak. Analisis data ini merangkumi 375 responden, dan nilai Kolmogorov-Smirnov telah diambil kira kerana bilangan responden melebihi 50. Keputusan menunjukkan bahawa nilai signifikan

pembolehubah untuk setiap dimensi impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran dan prestasi pelajar ialah $p < 0.05$ iaitu 0.000. Untuk mencapai matlamat kajian, penyelidik dikehendaki menggunakan ujian korelasi Spearman rho bagi kedua-dua pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Hasil kajian ini mempunyai dapatan yang serupa dengan kajian lepas (Mohd Isa & Ahmad, 2021) iaitu mempunyai keputusan yang tidak normal.

4.1.6 Analisis Korelasi

Jadual 6 Analisis korelasi.

		Prestasi Pelajar
Keperluan Individu/Motivasi	Pekali korelasi	0.726**
	Sig. (2-ekor)	0.000
	N	375
Petunjuk Situasi	Pekali korelasi	0.653**
	Sig. (2-ekor)	0.000
	N	375
Ciri-ciri Personaliti	Pekali korelasi	0.722**
	Sig. (2-ekor)	0.000
	N	375
Kognisi Maladaptif	Pekali korelasi	0.715**
	Sig. (2-ekor)	0.000
	N	375
Sosio-Persekitaran	Pekali korelasi	0.728**
	Sig. (2-ekor)	0.000
	N	375

Jadual 6 menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang kuat dan positif secara statistic antara semua dimensi impak penggunaan media sosial dan prestasi pelajar. Nilai pekali korelasi rho Spearman bagi dimensi Keperluan Individu/motivasi, petunjuk situasi, ciri-ciri personality, kognisi maladaptif dan sosio-persekitaran ialah 0.726, 0.653, 0.722, 0.715 dan 0.728. Secara keseluruhan, semua hubungan antara dimensi tahap impak penggunaan media sosial dan prestasi pelajar menunjukkan hubungan yang kukuh dan semua hipotesis boleh diterima dalam kajian ini.

5. Perbincangan

Objektif kajian 1 membincangkan tahap prestasi pelajar dalam kalangan mahasiswa UTHM. Dari hasil dapatan kajian menunjukkan, tahap prestasi pelajar terhadap impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran adalah berada pada tahap yang tinggi dengan nilai purata min adalah 4.00 dan sisihan piawai adalah 1.11. Ini disebabkan oleh impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran dapat meningkatkan prestasi pelajar pada tahap yang sangat memuaskan. Kajian ini disokong dengan kajian lepas yang dijalankan oleh Ahmed dan Vaghefi (2021) di mana prestasi pelajar berada pada tahap yang tinggi terhadap impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran dalam kalangan mahasiswa UTHM.

Dalam Objektif Kajian 2, secara keseluruhan tahap impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran oleh mahasiswa UTHM berada pada tahap yang tinggi kerana nilai min keseluruhan bagi kesemua pembolehubah bebas adalah 3.97 dan nilai sisihan piawai adalah 1.06. Secara umum, impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran adalah berkadar langsung dengan prestasi pelajar dan impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran tersebut boleh ditambah baik untuk meningkatkan prestasi pelajar. Hasil kajian ini juga selari dengan kajian lepas Alzougool (2018), iaitu tahap impak penggunaan media sosial di Jordan adalah pada tahap yang tinggi, dimana dimensi Model Kognitif Tingkah Laku (CBM) iaitu kognisi maladaptif perlu ditekankan dalam diri mahasiswa daripada terus timbul pandangan negatif terhadap dunia atau diri sendiri yang menyebabkan impak dengan media sosial seperti hiburan dan bukannya aktiviti pembelajaran.

Objektif Kajian 3 adalah tentang hubungan antara impak penggunaan media sosial dan prestasi pelajar dalam kalangan mahasiswa UTHM. Hasil kajian ini mendapati terdapat hubungan yang kukuh antara impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran dan prestasi pelajar. Pekali korelasi untuk semua pembolehubah bebas adalah kolerasi positif yang kukuh. Dengan menunjukkan nilai purata untuk keseluruhan pekali korelasi adalah 0.709. Secara keseluruhan, semua hipotesis telah diterima. Keputusan ini menunjukkan bahawa Model Kognitif Tingkah Laku (CBM) mengenai impak penggunaan media sosial dapat membantu prestasi pelajar dan perlu diselaraskan dengan cara penggunaan yang menyumbang kesan positif terhadap kepuasan pengguna. Dalam kajian lepas oleh Hou *et al.* (2019) membuktikan bahawa kajian itu mempunyai hasil

yang selari iaitu terdapat korelasi positif yang kuat antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar dimana terdapat hubungan positif yang signifikan antara dimensi impak penggunaan media sosial iaitu keperluan individu/motivasi, petunjuk situasi, personaliti, kognisi maladaptif dan sosio-persekitaran dengan prestasi pelajar secara keseluruhannya.

6. Kesimpulan

6.1 Limitasi Kajian

Walaupun penyelidikan ini berjaya disiapkan, terdapat limitasi tertentu yang berlaku semasa penyiasatan dijalankan. Limitasi yang paling signifikan dalam kajian ini adalah kekangan masa untuk mengumpul data daripada responden. Hal ini kerana, soal selidik mengambil masa yang lama untuk mengumpul data daripada responden dengan menggunakan pendekatan berasaskan dalam talian dan secara bersemuka. Oleh kerana kajian ini perlu disiapkan dalam tempoh yang singkat. Pengkaji telah mengagihkan soal selidik sebulan awal untuk mendapatkan bilangan responden yang menepati sasaran kajian iaitu sebanyak 375 responden. Namun begitu, proses menganalisis data hanya dapat dilakukan setelah memperolehi keseluruhan bilangan responden untuk mendapatkan data yang tepat mengikut bilangan responden yang ditetapkan. Oleh itu, pengumpulan data harus dimulakan dengan lebih awal agar proses menganalisis data dapat dimulakan dengan segera.

Selain itu, penggunaan model teori yang bersifat spesifik merupakan salah satu limitasi kajian yang pengkaji hadapi sepanjang menjalankan kajian. Hal ini dikatakan kerana, kajian ini menggunakan model teori yang tertentu seperti Model Kognitif Tingkah Laku (CBM), yang mungkin memberikan fokus yang mendalam tetapi juga boleh membataskan pemahaman terhadap dimensi lain yang mungkin relevan. Pengkaji perlu mengkaji lebih mendalam dengan maklumat yang terbatas pada beberapa kajian lepas sahaja. Oleh itu, diharapkan penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji masa akan datang memilih dengan baik model teori yang mempunyai maklumat yang luas tentang kajian yang ingin dijalankan.

6.2 Cadangan

Cadangan penambahbaikan untuk kajian pada masa hadapan adalah pengkaji perlu mengagihkan dan menyebarkan borang soal selidik lebih awal dan konsisten kepada responden yang telah disasarkan. Hal ini dikatakan kerana, proses menganalisis data akan tertangguh jika data keseluruhan tidak diperolehi dalam tempoh yang betul. Tempoh masa kajian akan berlarutan dan tidak dapat menyiapkan atau menamatkannya dalam masa yang ditetapkan. Selain itu, bagi mendapatkan maklumat tambahan dan mengenal pasti dengan lebih lanjut, penyelidik mencadangkan untuk menggunakan kumpulan fokus secara temubual dalam kajian akan datang. Dengan itu, responden boleh memberikan ulasan dan cadangan lanjut yang berkaitan dengan topik kepada subjek kajian. Ini akan menghasilkan data yang lebih komprehensif dengan aspek yang dinamik.

Seterusnya, pengkaji masa hadapan juga boleh melakukan strategi pemilihan responden dengan lebih efektif. Hal ini dikatakan kerana, untuk mengatasi kesukaran dalam mencari responden dari pelbagai fakulti, pengkaji masa depan boleh pertimbangkan untuk mengembangkan strategi pemilihan responden yang lebih efektif. Mungkin melibatkan kerjasama yang lebih erat dengan pihak universiti atau memanfaatkan rangkaian komunikasi yang sedia ada di kalangan fakulti-fakulti tersebut. Jadi, dengan adanya kerjasama tersebut, pengkaji akan lebih mudah mendekati responden dengan lebih mudah dan cepat.

6.3 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan dapatan kajian yang telah dikumpulkan dan kelengkapan dalam menjawab objektif kajian, limitasi kajian dan beberapa cadangan penambahbaikan. Hasilnya, dari data kajian yang telah dianalisis, adalah didapati impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran mempunyai kesan yang ketara terhadap prestasi pelajar dan mempunyai hubungan yang baik dan kukuh. Selain itu, dapatan kajian yang telah diperolehi oleh penyelidik, telah menepati objektif kajian iaitu untuk mengkaji tahap prestasi pelajar dalam kalangan mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, untuk mengenalpasti tahap impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran oleh mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan untuk mengkaji hubungan antara impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran dan prestasi pelajar dalam kalangan mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Di samping itu, dapatan kajian juga telah menepati objektif kajian iaitu untuk mengkaji tahap prestasi pelajar dalam kalangan mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, untuk mengenalpasti tahap impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran oleh mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan untuk mengkaji hubungan antara impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran dan prestasi pelajar dalam kalangan mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Hasilnya, dari data kajian yang telah dianalisis, adalah didapati impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran mempunyai kesan yang ketara terhadap prestasi pelajar serta mempunyai hubungan yang baik dan kukuh. Selain itu, penyelidikan ini

juga diharap mampu membantu institut pendidikan umumnya bagi mengenalpasti tahap impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran dan mengulang atur strategi untuk meningkatkan prestasi pelajar.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia untuk segala sokongan yang diberi.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengisytiharkan bahawa tidak ada konflik kepentingan mengenai penerbitan kertas itu.

Sumbangan Pengarang

Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas kerja seperti berikut: **konsep dan reka bentuk kajian:** M.H.H.M. and M.Z.Y.; **pengumpulan data:** M.H.H.M.; **analisis dan tafsiran keputusan:** M.H.H.M. and M.Z.Y.; **penyediaan draf manuskrip:** M.Z.Y. Semua pengarang menyemak keputusan dan meluluskan versi akhir manuskrip.

Rujukan

Ahmed, E., & Vaghefi, I. (2021). Social Media Addiction: A Systematic Review through Cognitive-Behavior Model of Pathological Use. In Proceedings of the 54th Hawaii International Conference on System Sciences (p. 6681).

Amaral, I., & Santos, S. C. (2020). Redes sociais y comunicación institucional: el caso de las universidades portuguesas. *Revista Prisma Social*, 1(28), 20–43. Diterima pada 25, Mei, 2023 dari <https://revistaprismasocial.es/article/view/3371>

Arwansyah Kirin, Ahmad Sharifuddin, Mohd Hisham, Faisal Husen, Shakila Ahmad, Sharifah Khadijah, (2022), Human Sustainability Procedia Vol. 2 No. 1, <https://doi.org/10.30880/hsp.2022.02.01.003>

Azizan, M. A., Kariya, M. A., & Jasmi, K. A. (15, Disember, 2019). Media Sosial dan Penyebaran Budaya Transeksual Menurut Islam. Paper presented at the Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.

Azizi, S. M., Soroush, A., & Khatony, A. (2019). The relationship between social networking addiction and academic performance in Iranian students of medical sciences: a crosssectional study.

B. Alzougool, "The impact of motives for Facebook use on Facebook addiction among ordinary users in Jordan," *International Journal of Social Psychiatry*, 64, 6, 2018, pp. 528-535

Bhat, A. (2021, June 9). Research Design: Definition, Characteristics and Types. QuestionPro. Diterima pada 8, Jun, 2023 dari <https://www.questionpro.com/blog/research-design/>

BMC psychology, 7(1), 1-8. Diterima pada 23, April, 2023 dari <https://doi.org/10.1186/s40359-019-0305-0>.

Brailovskaia, J., & Margraf, J. (2019). Facebook Addiction Disorder (FAD) among German students—A longitudinal approach. *PloS one*, 12(12), e0189719.

Brevers, D., & Turel, O. (2019). Strategies for self-controlling social media use: Classification and role in preventing social media addiction symptoms. *Journal of Behavioral Addictions*, 8(3), 554–563. Diterima pada 1, April, 2023 dari <https://doi.org/10.1556/2006.8.2019.49>

Fathimah Az.zahra Nasiruddin, & Lisa Gabriella Rapa. (2022). Dampak Media Sosial Terhadap Prestasi Belajar Mahasiswa. *Dampak Media Sosial Terhadap Prestasi Belajar Mahasiswa*, 1(3), 188–188. Diterima pada 23, April, 2023 dari <https://doi.org/10.26858/edustudent.v1i3.32890>

Feng Luqman, S. (2021). Excessive SNS use at work, technological conflicts and employee performance: A social-cognitive-behavioral perspective. *Technology in Society*, 65(3), 101584. Diterima pada 11, April, 2023 dari <https://doi.org/10.1016/j.techsoc.2021.101584>

Hayes, A. (2021). How Simple Random Samples Work. Investopedia. Diterima pada 14, Mei, 2023 dari <https://www.investopedia.com/terms/s/simple-random-sample.asp>

Hou, Y., Xiong, D., Jiang, T., Song, L., & Wang, Q. (2019). Social media addiction: Its impact, mediation, and intervention. *Cyberpsychology: Journal of psychosocial research on cyberspace*, 13(1). Diterima pada 8, April, 2023 dari <https://doi.org/10.5817/CP2019-1-4>.

Iman, A. H. M. (2019). KAEDAH PENYELIDIKAN & PENULISAN LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR. Buku Pengajian Umum, 1-170. Diterima pada 12, Mei, 2023 dari <https://doi.org/10.13140/RG.2.1.5174.2486>

Kan Purple, Lee Teng Xuan, Ong Jian Rong, Tee Shin Yee, Yam Kah Yee, (2022). IMPACT OF SOCIAL MEDIA USE ON ACADEMIC PERFORMANCE AMONG UNIVERSITY STUDENTS IN MALAYSIA, Retrieve from http://eprints.utar.edu.my/4941/1/fyp_PR_2022_KP.pdf

Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., (1970). Determining Sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(30), 607-610. doi:10.1177/001316447003000308

Kumar, A., & Godara, A. (2020). Information and Communication Technologies (ICTs) Use by the Students of CCSHAU, Hisar. *Indian Res. J. Ext. Edu*, 20(4).

Malaysia Youth. (2021). *Sistem Ydata @IYRES*. Ydata.iyres.gov.my. Diterima pada 12, April, 2023 dari <https://ydata.iyres.gov.my/iyresbankdataV2/www/index.php?r=pub/home/readcontent4&id=43>

Motta, J., & Barbosa, M. (2019). Social Media as a Marketing Tool for European and North American Universities and Colleges. *Journal of Intercultural Management*, 10(3), 125-154. Diterima pada 19, Mei, 2023 dari <https://doi.org/10.2478/joim-2018-0020>

MTUN, M. T. U. N. (n.d.). *Fast Facts*. Mtun.uthm.edu.my. Diterima pada 5, Jun, 2023, dari <https://mtun.uthm.edu.my/en/uthm/fast-facts-uthm.html>

Pritha, B. (2020, June 12). An introduction to quantitative research. Scribbr. Diterima pada 12, Mei, 2023 dari <https://www.scribbr.com/methodology/quantitative-research/>

R. A. Davis, "A cognitive-behavioral model of pathological Internet use," *Computers in Human Behavior*, 17, 2, 2001, pp. 187-195

Sahin, C. (2018). Social Media Addiction Scale-Student Form: The Reliability and Validity Study. *Turkish Online Journal of Educational Technology-TOJET*, 17(1), 169-182.

Sekaran. U. (2010). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach (5th Edition)*. Diterima pada 20, April, 2023 dari https://www.researchgate.net/publication/254789319_Research_Methods_for_Business_A_Skill_Building_Approach_5th_Edition

Singh, S., Dixit, A., & Joshi, G. (2020). "Is compulsive social media use amid COVID-19 pandemic addictive behavior or coping mechanism? *Asian Journal of Psychiatry*, 54(12), 102290. Diterima pada 12, April, 2023 dari <https://doi.org/10.1016/j.ajp.2020.102290>